

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN PILIHANRAYA
(MAJLIS DAERAH JOHOR BAHRU TENGAH) 1990

1. Nama dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Larangan ke atas pameran iklan pilihanraya.
4. Permohonan untuk permit.
5. Bentuk dan jangkamasa permit.
6. Daftar permit.
7. Pengalihan iklan pilihanraya selepas hari mengundi.
8. Pengalihan iklan pilihanraya oleh Majlis.
9. Pelucuthakkan deposit.
10. Cara mempamerkan.
11. Larangan terhadap mempamerkan iklan pilihanraya di tempat-tempat tertentu.
12. Kesalahan dan penalti am.

J. P.U. 105.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN PILIHANRAYA
(MAJLIS DAERAH JOHOR BAHRU TENGAH)
1990

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang kecil

1. Nama dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Larangan ke atas pameran iklan pilihanraya.
4. Permohonan untuk permit.
5. Bentuk dan jangkamasa permit.
6. Daftar permit.
7. Pengalihan iklan pilihanraya selepas hari mengundi.
8. Pengalihan iklan pilihanraya oleh Majlis.
9. Perlucuthakkan deposit.
10. Cara mempamerkan iklan pilihanraya.
11. Larangan terhadap mempamerkan iklan pilihanraya di tempat-tempat tertentu.
12. Kesalahan dan penalti am.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN PILIHANRAYA
(MAJLIS DAERAH JOHOR BAHRU TENGAH)
1990

Akta 171.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak berkuasa Negeri mengesahkan, Undang-undang Kecil yang berikut:

Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Daerah Johor Bahru Tengah) 1990 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb. September, 1990.

Tafsiran.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Johor Bahru Tengah;

“hari mengundi”, berhubungan dengan sesuatu pilihanraya, ertinya hari yang ditentukan dalam writ bagi pilihanraya itu untuk pengundian dilakukan;

“iklan pilihanraya” ertinya apa-apa bendera, merual, tetunggul, panji-panji, cogan kata, poster atau label yang dipamerkan sebagai atau bagi maksud diayah politik;

“parti politik” mempunyai erti yang sama dalam Akta Pertubuhan 1966;

Akta 335.

"permit" ertinya permit untuk mempamerkan iklan pilihanraya yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4;

"pilihanraya" ertinya—suatu pilihanraya bagi memilih seorang ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri;

"writ" ertinya writ bagi pilihanraya yang dikeluarkan di bawah seksyen 12, Akta Pilihanraya 1958.

Akta 19.

3. Tiada seorang pun boleh mempamerkan atau menyebabkan dipamerkan apa-apa iklan pilihanraya di mana-mana lebuah atau tempat kecuali di bawah dan mengikut permit yang dikeluarkan oleh Majlis.

Larangan ke atas pameran iklan pilihanraya.

4. (1) Sesuatu permohonan untuk permit bagi mempamerkan apa-apa iklan pilihanraya hendaklah dibuat kepada Majlis—

Permohonan untuk permit.

(a) oleh parti politik yang berhasrat untuk meletakkan calon dalam kawasan berkenaan; atau

(b) jika orang yang akan bertanding dalam pilihanraya itu tidak mempunyai gabungan politik, oleh orang itu sendiri.

(2) Suatu permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Apabila menerima permohonan itu, Majlis hendaklah, atas pembayaran jumlah wang sebanyak lima puluh ringgit sebagai deposit bagi pematuhan syarat-syarat permit dan peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini, mengeluarkan kepada pemohon suatu permit bagi mempamerkan iklan pilihanraya dalam kawasan-kawasan yang dinyatakan dalam permit.

(4) Majlis boleh melampirkan, pada mana-mana permit yang dikeluarkan di bawah perenggan (3), apa-apa syarat yang difikirkan patut dikenakan.

(5) Pemegang permit hendaklah mematuhi segala syarat yang dilampirkan pada permit itu.

5. Suatu permit yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Majlis dan hendaklah habis tempohnya pada hari yang berikutan hari mengundi.

Bentuk dan jangka masa permit.

6. Majlis hendaklah menyebabkan disimpan dan disenggarakan dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara yang ditentukannya, suatu daftar bagi segala permit yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4.

Daftar permit.

7. Tiap-tiap pemegang permit hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas hari mengundi, mengalihkan segala iklan pilihanraya yang dipamerkan, dan segala papan tanda atau struktur lain yang didirikan, olehnya.

Pengalihan iklan pilihanraya selepas hari mengundi

8. (1) Majlis boleh mengalihkan apa-apa iklan pilihanraya atau apa-apa papan tanda atau struktur lain yang didirikan bagi maksud mempamerkan iklan pilihanraya itu jika—

Pengalihan iklan pilihanraya oleh Majlis.

(a) pemegang permit gagal mematuhi kehendak-kehendak undang-undang kecil 7; atau

(b) Majlis berpuas hati bahawa iklan pilihanraya itu dipamerkan tanpa permit.

(2) Segala perbelanjaan yang dilakukan oleh Majlis dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh perenggan (1) hendaklah disifatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada Majlis oleh pemegang permit atau, jika iklan pilihanraya itu dipamerkan tanpa permit, oleh orang yang menyebabkan iklan pilihanraya itu dipamerkan sedemikian, dan hendaklah didapatkan kembali dalam mahkamah dengan sewajarnya.

Perlucuthakan deposit.

9. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain dalam Undang-Undang Kecil ini, jika—

- (a) terdapat suatu pelanggaran apa-apa syarat permit; atau
- (b) terdapat apa-apa pelanggaran atau ketakpatuhan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini,

Majlis hendaklah melucuthakkan deposit yang dibayar di bawah undang-undang kecil 4 jika, selepas memberikan pemegang permit suatu peluang untuk didengar, dia gagal memuaskan hati Majlis tentang kenapa deposit itu tidak sepatutnya dilucuthakkan.

(2) Apa-apa deposit yang tidak dilucuthakkan di bawah perenggan (1) hendaklah dikembalikan kepada pemegang permit tanpa apa-apa faedah selepas empat belas hari dari masa habisnya tempoh permit itu.

Cara memamerkan iklan pilihanraya.

10. Sesuatu iklan pilihanraya hendaklah dipamerkan mengikut mana-mana cara yang berikut sahaja—

- (a) dengan melekatkan pada suatu papan tanda atau struktur lain yang didirikan atau diletakkan oleh pemegang permit;
- (b) dengan menggantung iklan pilihanraya itu di sepanjang mana-mana lebuhraya, pada pancang-pancang yang didirikan oleh pemegang permit;
- (c) dengan menanam penopang iklan pilihanraya itu ke dalam mana-mana paras tanah selain daripada laluan jalan kaki yang diubunkan atau kaki lima; atau
- (d) dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis dalam permit.

Larangan terhadap memamerkan iklan pilihanraya di tempat-tempat tertentu.

11. Walau apa pun apa-apa peruntukan lain dalam Undang-Undang Kecil ini, tiada seorang pun boleh—

- (a) memamerkan apa-apa iklan pilihanraya atau membina atau mendirikan apa-apa papan tanda atau struktur lain mengikut apa-apa cara sehinggalah ia meliputi atau melindungi apa-apa isyarat lalulintas, tanda arahan atau lampu perhiasan;
- (b) memamerkan apa-apa iklan pilihanraya atas atau merintanginya mana-mana lebuhraya; atau
- (c) memamerkan apa-apa iklan pilihanraya pada mana-mana bangunan awam atau struktur lain dengan menggunakan paku, gam atau pelekat lain, atau dengan apa-apa cara lain yang akan merosakkan atau mencacatkan permukaan bangunan atau struktur itu.

12. (1) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini. Kesalahan dan penalti am.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak melebihi dua ribu ringgit.

Diperbuat pada 30hb. September, 1990.

[MDJBT. 6/7.]

DATO HAJI MOHD. NOOR BIN ABD. RAHIM,

Yang Dipertua,

Majlis Daerah Johor Bahru Tengah,

Skudai

Disahkan pada 22hb. Ogos, 1990.

[K.T. 24/69/21.]

HAJI MOHD. ZAINI BIN OSMAN,

Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan,

Johor

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
ELECTION ADVERTISEMENT (JOHOR BAHRU TENGAH
DISTRICT COUNCIL)
BY-LAWS 1990**

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-laws

1. Citation, commencement and application.
2. Interpretation.
3. Prohibition on exhibition of election advertisement.
4. Application for permit.
5. Form and duration of permit.
6. Register of permit.
7. Removal of election advertisement after polling day.
8. Removal of election advertisement by the Council.
9. Forfeiture of deposit.
10. Manner of exhibiting election advertisement.
11. Prohibition against exhibiting an election advertisement in certain places.
12. Offences and general penalty.

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
ELECTION ADVERTISEMENT (JOHOR BAHRU TENGAH
DISTRICT COUNCIL)
BY-LAWS 1990**

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Council makes and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws: Act 171.

1. (1) These By-Laws may be cited as the Election Advertisement (Johor Bahru Tengah District Council) By-Laws 1990 and shall be deemed to have come into force on the 1st September, 1990.

Citation,
commencement
and
application.

(2) These By-laws shall apply only to the area of the said Council.

Interpretation.

2. In these By-laws, unless the context otherwise requires—

"Council" means the Johor Bahru Tengah District Council;

"election" means an election of a member to the Dewan Rakyat or the State Legislative Assembly;

"election advertisement" means any flag, ensign, banner, standard, slogan, poster or label exhibited as or for the purpose of political propaganda;

"permit" means a permit to exhibit election advertisements issued under by-law 4;

"political party" has the same meaning as in the Societies Act 1966;

Act 335.

"Polling day", in relation to an election, means the day appointed in the writ for that election for the polling to take place;

"writ" means a writ for an election issued under section 12 of the Elections Act 1958.

Act 19.

Prohibition on exhibition of election advertisement.

3. No person shall exhibit or cause to be exhibited any election advertisement in any street or place except under and in accordance with a permit issued by the Council.

Application for permit.

4. (1) An application for a permit to exhibit any election advertisement shall be made to the Council—

(a) by the political party which desires to field the candidate in the relevant constituency; or

(b) where the person seeking to contest the election has no political affiliation, by the person himself.

(2) An application under paragraph (1) shall be made in such form, and shall be accompanied by such particulars, as the Council may determine.

(3) On receipt of the application, the Council shall, upon payment of a sum of fifty ringgit as deposit for the observance of the conditions of the permit and the provisions of these By-laws, issue to the applicant a permit to exhibit election advertisements in the areas specified in the permit.

(4) The Council may attach, to any permit issued under paragraph (3) such conditions as he may think fit to impose.

(5) The permit holder shall comply with all the conditions attached to the permit.

Form and duration of permit.

5. A permit issued under by-law 4 shall be in such form as the Council may determine and shall expire on the day next following the polling day.

Register of permit.

6. The Council shall cause to be kept and maintained in such form and manner as it may determine, a register of all permits issued under by-law 4.

7. Every permit holder shall, within fourteen days after the polling day, remove all election advertisements exhibited, and all bill boards or other structures erected, by him.

Removal of election advertisement after polling day.

8. (1) The Council may remove any election advertisement or any bill board or other structure erected for the purpose of exhibiting such election advertisement if—

Removal of election advertisement by the Council.

- (a) the permit holder fails to comply with the requirements of by-law 7; or
- (b) the Council is satisfied that such election advertisement is exhibited without a permit.

(2) All expenses incurred by the Council in carrying out the powers conferred by paragraph (1) shall be deemed to be a debt due to the Council from the permit holder or, where the election advertisement is exhibited without a permit, from the person who caused the election advertisement to be so exhibited, and shall be recoverable accordingly in a court.

9. (1) Without prejudice to the other provisions of these By-laws, where—

Forfeiture of deposit.

- (a) there is a breach of any condition of the permit; or
- (b) there is any contravention or non-compliance with any of the provisions of these By-laws,

the Council shall forfeit the deposit paid under by-law 4 if, after giving the permit holder an opportunity of being heard, he failed to satisfy the Council as to why the same should not be forfeited.

(2) Any deposit which is not forfeited under paragraph (1) shall be refunded to the permit holder without any interest after fourteen days from the expiry of the permit.

10. An election advertisement shall only be exhibited in any of the following manner—

Manner of exhibiting election advertisement.

- (a) by affixing it on a bill board or other structure erected or placed by the permit holder;
- (b) by hanging it along any street, on poles erected by the permit holder;
- (c) by planting the support of the election advertisement into any ground other than paved footway or pavement; or
- (d) by such other manner as the Council may specify in the permit.

11. Notwithstanding any other provision in these By-laws, no person shall—

Prohibition against exhibiting an election advertisement in certain places.

- (a) exhibit any election advertisement or construct or erect any bill board or other structure in such manner that it covers or conceals any traffic sign, directive sign or decorative light;
- (b) exhibit any election advertisement on or across any street; or

- (c) exhibit any election advertisement on any public building or other structure by means of any nail, gum or other adhesives, or by any other means that will damage or disfigure the surface of such building or structures.

Offences and
general
penalty.

12. (1) Any person who contravenes or fails to comply with any provision of these By-laws shall be guilty of an offence under these By-laws.

(2) Any person guilty of an offence under these By-laws shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit.

Made the 30th September, 1990.

[MDJBT. 6/7.]

DATO' HAJI MOHD. NOOR BIN ABD. RAHIM,
President,
Johor Bahru Tengah District Council

Confirmed the 22nd August, 1990.

[K.T.24/69/21.]

HAJI MOHD. ZAINI BIN OSMAN,
Clerk of the State Executive Council,
Johor

J. P.U. 106.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN
(MAJLIS DAERAH SEGAMAT SELATAN) (PINDAAN) 1990

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Segamat Selatan membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihakberkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Segamat Selatan) (Pindaan) 1990 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb. September, 1990.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Segamat Selatan.

2. Undang-undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Segamat Selatan), 1982, yang dalam Undang-undang Kecil ini disebut "Undang-undang Kecil ibu", adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "or window display" dalam takrif "iklan" dalam teks Bahasa Inggeris, perkataan-perkataan "or any election advertisement"; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif "directional sign", dalam teks Bahasa Inggeris, takrif baru yang berikut—

"election advertisement" has the same meaning as in the Election Advertisement (Segamat Selatan District Council) By-Laws 1990;

Pindaan Undang-
undang Kecil 2.
J.P.U. 9082